

KPT sasar lahir 10,000 usahawan pelajar tahun ini

[Mohd Amin Jalil](#) - Mac 26, 2021 @ 2:45pm

bhnews@bh.com.my



Mansor (tiga dari kiri) ketika melawat USIM, hari ini. - NSTP/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

NILAI: Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bekerjasama dengan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional) bagi melahirkan sekurang-kurangnya 10,000 usahawan dalam kalangan pelajar di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti, tahun ini.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Mansor Othman, berkata TEKUN Nasional telah menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi membantu menjayakan program keusahawanan itu.

Melalui peruntukan itu, beliau berkata, pelajar berpeluang mendapatkan pembiayaan sekurang-kurang RM5,000 untuk menceburi bidang keusahawanan.

Katanya, KPT turut menerima sejumlah dana daripada Kementerian Kewangan bagi menampung pelaksanaan program keusahawanan di institusi pengajian tinggi (IPT).

Beliau menjelaskan, KPT memfokus kepada aspek kebolehpasaran berikutan pandemik COVID-19 jelas memberi kesan terhadap graduan dan bakal graduan dengan cabaran dari segi ketidakpastian ekonomi serta peluang mendapatkan pekerjaan.

"Kita mahu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk pelajar, selain mereka berupaya mencipta peluang sendiri dan bukan hanya bekerja makan gaji apabila tamat pengajian kelak.

"Justeru, kita berusaha menzahirkan komitmen tinggi bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang mampu bersaing dalam pasaran lebih kompetitif," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Mohamed Ridza Wahiddin.

Sementara itu, Mansor berkata, pihaknya berpuas hati dengan perjalanan pengurusan USIM, terutama membabitkan aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta kemudahan berkaitan.

"Saya juga menyambut baik langkah USIM melaksanakan program keusahawanan pertanian, iaitu projek penanaman nanas MD2 yang wajar dikembangkan di universiti lain," katanya.